

BABY
SHOWER

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar belakang Kajian

Firman Allah SWT:

إِنَّ رَبَّكَ الَّذِي خَلَقَ (١) خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ (٢) إِفْرِادٌ وَرَبُّكَ
الْأَكْرَمُ (٣) الَّذِي عَلِمَ بِالْقَلْمَنْ (٤) عَلِمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ (٥)

Surah al-^cAlaq (96): 1-5.

Maksudnya:

"(Wahai Muhammad) Bacalah dengan nama Tuhanmu, Yang telah menciptakan (seluruh makhluk). Ia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah dan Tuhanmu Yang Paling Pemurah. Yang mengajar dengan pena. Ia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya."

Lima ayat surah al-^cAlaq¹ sebagaimana disebutkan di awal penulisan adalah termasuk dalam kategori ayat-ayat *Makkī*. Ia merupakan titik tolak bermulanya

¹ Menurut kata sepakat para ulama, lima ayat di atas merupakan ayat-ayat al-Qur'an yang mula-mula diturunkan. Sila lihat, Sayyid Qutb (1974), *Fī Zīlāl al-Qur'ān*, j. 6. Beirut: Dār al-Syurūq, h. 3935.

penurunan al-Qur'an dan detik pertama Rasulullah SAW berhubung dengan Allah SWT serta langkah pertama baginda SAW berjuang di jalan dakwah.²

Ayat ini menjelaskan tentang hakikat penciptaan manusia, pengajaran membaca dan menulis daripada Allah SWT dan secara tidak langsung ia meletakkan kefahaman keimanan³ sebagai asas utama dalam setiap urusan, gerak langkah dan tindakan hendaklah dimulakan dengan nama Allah SWT atau dengan kata lain memohon pertolongan dari-Nya. Terdapat unsur tarbiah dalam ayat tersebut tentang hakikat kewujudan Allah SWT, kekuasaan, keagungan dan kemurahan-Nya menciptakan manusia dari segumpal darah dan diangkat darjat kepada manusia yang mampu berfikir dan belajar.⁴

Perintah Allah SWT kepada Rasulullah SAW yang menyuruh setiap manusia mengenal Tuhan, perlu tahu membaca, menulis dan menuntut ilmu membuktikan bahawa tarbiah amat penting dalam kehidupan manusia. Tarbiah itu pula haruslah

² Dakwah dari segi bahasa adalah berasal dari perkataan Arab iaitu دعوة yang bermaksud seruan atau ajakan. Manakala dari segi istilah, dakwah bermaksud seruan kepada Allah SWT iaitu kepada agama-Nya Islam yang dibawa oleh Nabi SAW daripada Tuhan-Nya. Sila lihat, Fu'ad Ifrām al-Bustānī (1956), *Munjid al-Tullāb*, c. 3. Beirut: Dār al-Masyrūq, h. 200 dan 'Abd al-Karīm Zaydān (1993), *Uṣūl al-Da'wah*, c. 3. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, h. 5.

³ Iman dari segi bahasa bermaksud membenarkan dan dari segi istilah pula para ulama telah memberikan definisi yang berbeza. Antara mereka ada yang mengatakan bahawa iman itu ialah membenarkan dengan hati, mengakui dengan lidah dan beramal dengan segala rukun-rukun iman. Manakala pendapat lain pula mengatakan bahawa iman itu hanya membenarkan dengan hati dan mengakui dengan lidah sahaja. Sila lihat, Qahṭān 'Abd al-Rahmān al-Dūrfī et al. (1996), *Uṣūl al-Dīn al-Islāmī*. Ammān: Dār al-Fikr, h. 22.

⁴ Qutb (1974), *op.cit.*, j. 6, h. 3931.

berteraskan keimanan kepada Allah SWT. Ini kerana iman yang kuat adalah asas ke arah pembentukan peribadi yang mulia.

Malah, harus diingat bahawa tujuan akhir tarbiah ialah membentuk insan yang bersih dari segi mental, personaliti, corak hidup, emosi dan budi pekerti daripada sebarang unsur-unsur lain daripada landasan Ilahi yang terkandung dalam al-Qur'an dan al-Hadith.⁵ Hala tuju manusia hanyalah untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT sepenuhnya dalam semua urusan hidup. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّةِ وَالْإِنْسَانَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ (٥٦)
Surah al-Dhariyāt (51): 56.

Maksudnya:

"Tidak Aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadah kepada-Ku."

⁵ Ahmad Mohd. Salleh (1997), *Pendidikan Islam: Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, h. 5.

Sebagaimana yang diketahui al-Qur'an dan al-Hadith⁶ adalah dua sumber utama tarbiah Islam. Al-Qur'an mengandungi konsep tarbiah yang agung. Ia menjelaskan konsep dan cara tarbiah yang sepatutnya dilalui oleh manusia menerusi penurunan ayat-ayatnya sama ada *Makkī* atau *Madanī*. Rasulullah SAW pula adalah penyampai wahyu Allah SWT kepada umat manusia untuk ditunjuk, diajar, dididik, diasuh dan dibimbing sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah SWT.

Oleh yang demikian, dalam meletakkan asas al-Qur'an *Makkī* dan *Madanī*⁷ ia dihubung kaitkan dengan sirah Rasulullah SAW. Ini dibuktikan melalui *marhalah* dakwah Rasulullah SAW dapat ditentukan sama ada ia al-Qur'an *Makkī* atau *Madanī*. Begitu juga sebaliknya melalui al-Qur'an *Makkī* dan *Madanī* dapat ditentukan *marhalah* dakwah Rasulullah SAW yang bermula dengan penurunan wahyu kedua melalui surah *al-Muddaththir*. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ (١) قُمْ فَانذِرْ (٢) وَرِبْكَ فَكَبِّرْ (٣)
Surah al-Muddaththir (74): 1-3.

⁶ Al-Hadith ialah sumber syariat Islam yang kedua selepas al-Qur'an. Perkataan Hadith adalah kata asal daripada perkataan *hadatha* (حدث) yang dari sudut bahasanya bermaksud baru atau cakap atau berita. Sila lihat Ibn Manzūr (1994), *Lisān al-'Arab*, j. 2, c. 3. Beirut: Dār al-Fikr, h. 131. Dari sudut istihlah pula ia bermaksud sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah SAW sama ada perkataan, perbuatan dan pengakuan atau sifat sama ada yang berlaku sebelum dibangkitkan menjadi Rasul seperti *takhannuth*, iaitu ibadah yang dilakukan oleh Rasulullah SAW di gua Hira' atau sesudah dibangkit menjadi Rasul. Sila lihat Muhammad Ajaj al-Khaṭīb (1989), *Uṣūl al-Ḥadīth Ḥulūmuḥ wa Muṣṭalāḥuḥ*, Mesir: Dār al-Fikr, h. 19.

⁷ Penulis menggunakan istilah al-Qur'an *Makkī* dan *Madanī* untuk merujuk kepada surah dan ayat al-Qur'an.

Maksudnya:

"Wahai orang yang berselimut! Bangunlah serta berilah peringatan dan amaran (kepada umat manusia). Dan Tuhanmu, maka ucaplah dan ingatlah kebesaran-Nya! Dan pakaianmu, maka hendaklah engkau bersihkan!".

Setelah turunnya ayat *al-Muddaththir* di atas, maka bermulalah lembaran baru perjuangan baginda SAW di Mekah sebagai seorang Rasul. Selama tiga belas tahun, baginda SAW telah berjuang menyampaikan dakwah sama ada secara sulit atau terang-terangan kepada masyarakat Mekah yang hidup dalam suasana jahiliah⁸.

Pada masa tersebut, aspek akidah menjadi fokus utama dalam tarbiah Rasulullah SAW. Baginda SAW menyampaikan kebenaran Islam⁹ yang sebenar kerana apa yang diajar dan disampaikan oleh baginda SAW adalah mengikut apa yang diwahyukan oleh Allah SWT kepadanya. Ini berdasarkan kepada firman Allah SWT:

⁸ Perkataan jahiliah berasal dari bahasa Arab ‘*jahala*’ yang bermaksud tidak berilmu atau bodoh. Sila lihat Ibn Manzūr (1994), *op.cit*, j. 11, c. 4, h. 129. Menurut Jawād ‘Alī, perkataan jahiliah merujuk kepada perangai buruk, bodoh, sompong dan pemikiran yang tidak waras. Masyarakat pada zaman tersebut digelar masyarakat jahiliah kerana mereka tidak mempunyai pegangan keagamaan yang sebenar, tetapi bertuhankan hawa nafsu dan menolak hukum Allah SWT. Sila lihat Jawād ‘Alī (1968), *al-Mufassal fī Tārikh al-‘Arab Qabl al-Islām*, j. 1. Beirut: Dār al-‘Ilm li l-Malāyīn, h. 40.

⁹ Islam dari segi bahasa bererti damai, aman, sejahtera dan selamat. Manakala dari segi syarak pula ialah mentauhidkan Allah SWT, patuh, tunduk dan jujur hati kepada-Nya serta beriman dengan ajaran Allah SWT yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW. Sila lihat, al-Dūrī *et al.* (1996), *op. cit.*, h. 20-21.

وَمَا يُنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ (۳) إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ (۴)

Surah al-Najm (54): 3-4.

Maksudnya:

"Dan dia (Muhammad) bukan berkata dengan kemahuannya sendiri. Itu hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya".

Kebenaran yang disampaikan oleh baginda SAW inilah yang membezakannya dengan tarbiah-tarbiah lain. Baginda SAW melaksanakan tarbiah yang haq tanpa mengira pertimbangan atau desakan manusia dan keadaan. Walau bagaimanapun, dalam melaksanakan tarbiah tersebut ia bukanlah tugas yang mudah tetapi memerlukan suatu kekuatan.

Justeru itu, Rasulullah SAW telah mengambil tindakan yang paling efektif untuk memastikan keberkesanannya dengan membentuk harakah. Baginda SAW tidak berpegang pada cara bekerja secara individu, sebaliknya secara berkumpulan dan bertepatan dengan tuntutan Islam. Semenjak permulaan dakwahnya di Mekah, baginda SAW mementingkan terbentuknya suatu gerakan yang teratur. Untuk kepentingan itu, baginda SAW terlebih dahulu memilih tenaga-tenaga teras untuk dijadikan daya pendorong dalam menyebarkan dakwah.¹⁰ Oleh kerana itu, tarbiah yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW inilah dianggap sebagai *Tarbiyyah Harakiyyah*.

¹⁰ Fatḥī Yakan (1997), *Kayf Naḍū ilā al-Islām*, c. 16. Beirut: Mu‘assasah al-Risālah, h. 165-166.

Hasil tarbiah ini, akhirnya baginda SAW telah berjaya mendidik para sahabat menjadi insan yang soleh dan *muṣīḥ* dalam erti kata yang lain, memiliki perseimbangan dalam pemikiran, kemampuan ilmu dan *thaqāfah* serta tindakan dalam bermuamalah dengan makhluk sekeliling dan juga penciptanya *Rabb al-Jalīl*.

Justeru itu, apakah keistimewaan *Tarbiyyah Ḥarakiyyah* yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW di Mekah sehingga baginda SAW berjaya mentarbiah para sahabat? Adakah ia disebabkan oleh bimbingan daripada ayat-ayat *Makkī* yang memaparkan konsep tarbiah yang agung atau sebaliknya? Semua persoalan ini memerlukan kepada jawapan yang tuntas agar ia dapat memberi pengajaran dan panduan kepada masyarakat Islam hari ini terutamanya para pendakwah.

Oleh yang demikian, penulis merasakan perlu untuk diketahui latar belakang *Tarbiyyah Ḥarakiyyah* dalam konteks ayat-ayat *Makkī* yang menjadi asas utama tarbiah Rasulullah SAW seterusnya membawa kepada kejayaan baginda SAW dalam mendidik masyarakat Mekah.

1.2 Pengertian Tajuk

Dalam bahagian ini penulis akan memberi penjelasan secara umum apakah yang dimaksudkan dengan tajuk kajian iaitu “Ayat-ayat *Makkī*: Kajian dari perspektif *al-*

Tarbiyyah al-Harakiyyah". Sebelum penulis menjelaskan maksud pengertian tajuk, eloklah terlebih dahulu penulis menghuraikan beberapa istilah penting yang digunakan untuk menyusun tajuk kajian. Dalam hal ini, penulis membahagikan tajuk kepada tiga bahagian iaitu:

1.2.1 Ayat-ayat *Makkī*

Menurut Kamus Dewan, ayat bermaksud satu perkataan atau serangkai perkataan yang merupakan kesatuan yang membawa sesuatu maksud.¹¹ Perkataan ayat juga merupakan kata pinjaman daripada perkataan Arab iaitu *āyah* (آية) yang bermaksud tanda, pengajaran, mukjizat, seseorang dan sekumpulan manusia.¹² Dari segi istilah pula ayat bererti beberapa jumlah atau susunan perkataan yang mempunyai permutaan dan penghabisan yang dikira sebagai satu bahagian dari surah.¹³

¹¹ Noresah Baharom *et al.* (1998), *Kamus Dewan*, c. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 78.

¹² Ibrāhim Muṣṭafā *et al.* (1989), *al-Mu‘jam al-Wasīt*, j. 1. Istanbul: Dār al-Nadwah, h. 35. Lihat juga, J.M Cowan (1976), *A Dictionary of Modern Written Arabic*, c. 3. New York: Spoken Language Services, h. 36 dan al-Zarqānī (1988), *Maṇāhil al-‘Irfān fi ‘Ulūm al-Qur’ān*, j. 1. Beirut: Dār al-Fikr, h. 338-339.

¹³ Abd. Ghani Azmi bin Idris (1999), *Mengenal al-Qur'an dan Asas-asas Ulum al-Qur'an*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers, h. 23. Lihat pula, Al-Zarqānī (1988), *op.cit.*, j. 1, h. 339.

Manakala *Makkī* pula, bermaksud al-Qur'an yang diturunkan oleh Allah SWT melalui Jibril a.s sebelum baginda SAW berhijrah dari Mekah ke Madinah.¹⁴

1.2.2 *Al-Tarbiyyah*

Perkataan *al-tarbiyyah* berasal daripada perkataan *Rabb* (رب) yang bermaksud memperbaiki dan mendidik.¹⁵ Perkataan ini pula, lebih khusus bagi yang telah mendapat seruan atas tujuan pemberian dan pendidikan. Pentarbiahan dalam konteks gerakan Islam hanyalah khusus kepada anggota-anggotanya.¹⁶

1.2.3 *Al-Harakiyyah*

Perkataan *al-harakiyyah* merupakan kata sifat kepada *al-tarbiyyah*. Apa yang dimaksudkan oleh penulis di sini ialah merujuk kepada *Hurakah Islāmiyyah* atau gerakan Islam. Ia didefinisikan sebagai sebuah jamaah yang memperjuangkan keseluruhan ajaran Islam melalui jihad dengan tujuan untuk menegakkannya di dalam kehidupan individu, keluarga, masyarakat dan sistem pemerintahan bernegara

¹⁴ Badr al-Dīn Muhammād ibn Ḥabd Allāh al-Zarkasī (2001), *al-Burhān fī ḪUlūm al-Qur'ān*, j. 1. Beirut: Dār al-Fikr, h. 239.

¹⁵ *Al-Munjid fi al-Lughah wa al-Flām* (1992). Beirut: Dār al-Masyriq, h. 243.

¹⁶ Mazin Farrukh (1989), *Prinsip-prinsip Asas Ḥamal Islāmi (Menurut al-Imām al-Ḥasan al-Bannā)*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, h. 2.

sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah SAW dan *Khulafā' al-Rāsyidīn*.¹⁷

Berdasarkan kepada pengertian beberapa istilah tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa apa yang ingin di ketengahkan oleh penulis di dalam disertasi ini ialah kajian terhadap *Tarbiyyah Harakiyyah* yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW di Mekah berdasarkan kepada ayat-ayat *Makkī*.

1.3 Persoalan Kajian

Melihat kepada latar belakang kajian, maka pelbagai persoalan yang timbul dalam pemikiran penulis berkenaan perkara-perkara yang berkaitan dengan tajuk disertasi. Persoalan -persoalan tersebut ialah:

- i. Apakah yang dimaksudkan dengan *Makkī* dan *Madani*?

- ii. Bertepatan dengan tajuk kajian yang menfokuskan ayat-ayat *Makkī* dari aspek *Tarbiyyah Harakiyyah*, maka apakah topik-topik utama ayat-ayat *Makkī*?

¹⁷ Ya'qub Muhammad Husin (2001), *Usrah dan Harakah*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar, h. 121.

- iii. Apakah yang dimaksudkan dengan *Tarbiyyah Ḥarakiyyah*?
- iv. Apakah ciri-ciri, objektif dan *manhaj Tarbiyyah Ḥarakiyyah*?
- v. Apakah analisis yang dapat diperolehi daripada *Tarbiyyah Ḥarakiyyah* berasaskan ayat-ayat *Makkī* yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW dalam mendidik para sahabat di Mekah?

Melihat kepada masalah-masalah inilah yang telah mendorong penulis untuk melakukan kajian dan penyelidikan berkenaan ayat-ayat *Makkī* dengan mengkhususkan perbincangan kepada *Tarbiyyah Ḥarakiyyah*.

1.4 Tujuan Kajian

Penulis menjalankan kajian disertasi ini memandangkan perlunya kajian terhadap *Tarbiyyah Ḥarakiyyah* berdasarkan ayat-ayat *Makkī*. Melalui kajian ini, penulis akan dapat:

- i. Mengetahui tentang al-Qur'an *Makkī* dan *Madani* dari aspek pengertian, kaedah, ciri-ciri dan kepentingan ilmu *Makkī* dan *Madani*.

- ii. Mengetahui secara umum topik-topik utama yang dibincangkan dalam ayat-ayat *Makkī*.
- iii. Mengetahui pengertian *Tarbiyyah Ḥarakiyyah* dalam konteks Islam.
- iv. Mengenalpasti ciri-ciri, objektif dan *manhaj Tarbiyyah Ḥarakiyyah*.
- v. Mengemukakan analisis yang diperolehi daripada *Tarbiyyah Ḥarakiyyah* yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW di Mekah berdasarkan ayat-ayat *Makkī*.

1.5 Kepentingan Kajian

Di antara kepentingan kajian bagi tajuk disertasi ini adalah seperti berikut:

- i. Melalui pengetahuan terhadap ilmu *Makkī* dan *Madanī* dapat membantu dan memudahkan para *mufassir* dalam mentafsirkan al-Qur'an. Begitu juga kepada ahli perundangan Islam dalam memutuskan hukum-hukum terhadap sesuatu masalah. Ia juga membantu para sejarawan mengetahui *marhalah* dakwah Rasulullah SAW sama ada di peringkat Mekah dan Madinah.

- ii. Pengkajian terhadap ilmu *Makkī* dan *Madanī* dapat meningkatkan keyakinan seseorang terhadap kesucian, keaslian dan keagungan al-Qur'an. Di samping itu, dapat memelihara kesucian al-Qur'an daripada sebarang penyelewengan oleh golongan orientalis.
- iii. Mengetahui kepentingan tarbiah akidah, akhlak, ibadah dan kisah-kisah silam yang menjadi topik utama ayat-ayat *Makkī* dan ia adalah teras pendidikan insan kamil.
- iv. Memahami hubungan antara tarbiah dan harakah dalam konteks ayat-ayat *Makkī* di samping mengetahui ciri-ciri, objektif dan *manhaj Tarbiyyah Harakiyyah* yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW.
- v. Melalui analisa *Tarbiyyah Harakiyyah* secara tidak langsung dapat mengetahui dan memahami sifat-sifat tarbiah Rasulullah SAW dalam menyebarkan Islam dan mentarbiah para sahabat di Mekah.

1.6 Skop Kajian

Dalam melaksanakan kajian disertasi ini, penulis menfokuskan kajian *Tarbiyyah Harakiyyah* yang berdasarkan kepada ayat-ayat *Makkī* sahaja. Dengan kata lain, ia

merujuk kepada tarbiah yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW sepanjang perjuangan baginda SAW dalam menyebarkan Islam dan dakwah di Mekah. Ayat-ayat *Makkī* dan *Tarbiyyah Ḥarakiyyah* mempunyai perkaitan antara satu sama lain kerana ia menjadi asas utama tarbiah Rasulullah SAW kepada masyarakat Mekah khususnya para sahabat.

1.7 Kajian Terdahulu

Setelah membuat pembacaan dan pemerhatian tentang ayat-ayat *Makkī* dari aspek *Tarbiyyah Ḥarakiyyah*, penulis mendapati belum ada kajian yang khusus mengenai tajuk ini. Setakat ini penulis hanya menemui kajian yang hanya menumpukan tarbiah atau harakah sahaja tanpa dikaitkan dengan ayat-ayat *Makkī*. Antaranya ialah:

- i. *Manhaj al-Tarbiyyah ‘ind al-Ikhwān al-Muslimīn* (1991), oleh Dr. ‘Alī ‘Abd al-Ḥālīm Maḥmūd. Karya ini menyentuh secara terperinci sejarah penubuhan dan perkembangan *Jamā‘ah al-Ikhwān al-Muslimīn* serta peristiwa yang berlaku sepanjang penubuhannya. Selain itu, ia turut membincangkan dengan lebih mendalam terhadap manhaj, falsafah dan matlamat tarbiah Islam serta pendekatan tarbiah di dalam *Jamā‘ah al-Ikhwān* dengan berpandukan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah.

- ii. *Manhaj al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah* (2001) oleh Muḥammad Quṭb. Kitab yang mengandungi dua jilid ini membincangkan dengan panjang lebar secara teori dan amali terhadap sistem *Tarbiyyah Islāmiyyah* berdasarkan nas dari al-Qur'an dan al-Hadith. Kandungan kitab ini lebih menfokuskan kepada tarbiah Islam, ciri-ciri dan cara pendekatan tarbiah. Selain itu, turut dibincangkan bagaimana Rasulullah SAW mendidik jemaah melalui contoh teladan yang ditunjukkan oleh baginda SAW.
- iii. *Al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah wa Madrasah Ḥasan al-Bannā* (1992), oleh Yūsuf al-Qaraḍāwī. Kitab ini membincangkan secara terperinci asas tarbiah Islamiah dan ciri-cirinya yang dilihat dari pelbagai aspek berdasarkan nas dari al-Qur'an dan al-Hadith serta contoh teladan yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW. Ianya merupakan asas yang utama di dalam membina persaudaraan dan membentuk *Jamā'ah al-Ikhwān*. Ini kerana pembentukan *Jamā'ah al-Ikhwān* adalah contoh yang diambil dari pembentukan harakah Islam di zaman Rasulullah SAW.
- iv. *Awlawiyyāt al-Harakah al-Islāmiyyah fī al-Marhalah al-Qādimah* (2001), oleh Profesor Yūsuf al-Qaraḍāwī. Karya ini memberi gambaran menyeluruh kepada penulis terhadap harakah Islam yang bermula dari zaman Rasulullah SAW lagi sehingga ke hari ini. Kandungannya bukan sahaja menfokuskan pengertian harakah Islam, kepentingannya dan keutamaan-

keutamaan harakah Islam, malah ianya membincangkan secara mendalam peranan harakah Islam yang dilihat dari pelbagai aspek termasuklah aspek tarbiah dan pembentukannya.

- v. *Al-Uslūb al-Tarbiwī li al-Dā'wah ilā Allāh fī al-Āṣr al-Hādīr* (1991), oleh Khālid Ḥabd al-Karīm al-Khayyāṭ. Penulis mendapati kitab ini memberikan gambaran yang jelas terhadap bentuk dan cara tarbiah yang digunakan untuk menyeru manusia beriman kepada Allah SWT sehingga sekarang. Ianya bertitik tolak daripada contoh pendekatan tarbiah di zaman Rasulullah SAW dan para sahabat. Kronologi peristiwa dan pendekatan yang digunakan oleh baginda SAW untuk mentarbiah para sahabat di zaman Mekah lagi, membantu penulis memahami proses pembentukan harakah Islam dan kaitannya dengan ayat-ayat *Makkī*.

1.8 Metodologi Kajian

Menurut *Kamus Dewan* metodologi bermaksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya.¹⁸ Manakala Imam Barnadib menghuraikannya sebagai satu ilmu mengenai cara-cara

¹⁸ Noresah Baharom *et al.* (1998), *op.cit.*, h. 887.

untuk mengadakan penelitian.¹⁹ Mengikut Supranto²⁰ pula, ia bermaksud satu kajian pengumpulan, pengolahan, pengkajian dan analisis data yang dilakukan secara sistematis. Dalam usaha mengkaji, menyelidik menyusun, menulis dan memperlengkapkan disertasi ini, penulis menggunakan beberapa metode yang dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu metode pengumpulan data dan metode penganalisaan data.

i. Metode Pengumpulan Data

Metode Pengumpulan Data digunakan untuk memperolehi data-data yang diperlukan bagi penulisan disertasi. Untuk mendapatkan data-data yang relevan dengan tajuk kajian, penulis telah menggunakan kajian perpustakaan sebagai sumber utama pengumpulan data bagi memperolehi pelbagai bahan bacaan daripada beberapa buah perpustakaan. Antaranya ialah Perpustakaan Utama (UM) Kuala Lumpur, Perpustakaan Akedemi Pengajian Islam (UM), Perpustakaan al-Malik al-Faisal (UM-Nilam Puri), Perpustakaan Tun Seri Lanang (UKM), Perpustakaan Islam Dār Nūr al-Zahrā' (Kelantan), Perpustakaan Awam Kelantan dan Perpustakaan Awam Islam (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pusat Islam).

¹⁹ Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIB-IKIP, h. 50.

²⁰ Supranto M.A (1971), *Metode Riset dan Aplikasinya di dalam Riset Pemasaran*. Bandung Penerbit Fakultas Ekonomi Universitas Indonesia, h. 13.

Walau bagaimanapun, selain itu terdapat juga bahan-bahan bacaan yang dimiliki oleh penulis sendiri di samping bahan-bahan yang dipinjam oleh penulis daripada individu-individu tertentu. Secara umumnya, data-data ini diperolehi melalui dua metode berikut:

a) Metode Dokumentasi

Penulis menggunakan metode ini secara langsung dengan mengkaji dan menganalisa dokumen-dokumen yang ada hubungannya dengan masalah yang dikaji. Dokumen tersebut termasuklah buku-buku, kertas-kertas kerja, jurnal-jurnal, latihan ilmiah, disertasi, kitab al-Qur'an dan kitab-kitab hadis.

Penggunaan metode dokumentasi ini adalah bertujuan untuk mengkaji latar belakang masalah yang berkaitan dengan *Makkī* dan *Madani*, topik-topik utama ayat-ayat *Makkī*, *Tarbiyyah Ḥarakiyyah*, ciri-ciri, objektif dan *manhaj Tarbiyyah Ḥarakiyyah* serta ayat-ayat *Makkī* yang berkaitan dengan tajuk kajian. Metode ini banyak digunakan untuk mengkaji bab 1, 2, 3 dan 4.

b) Metode Historis

Penggunaan metode ini, telah digunakan secara tidak langsung oleh penulis dalam mendapatkan data-data yang mempunyai nilai sejarah. Metode ini digunakan dalam

bab 1, 2, 3 dan 4 ketika penulis membincangkan tentang sejarah permulaan Islam dan dakwah Rasulullah SAW kepada masyarakat Mekah.

Justeru itu, secara keseluruhannya kajian ini adalah kajian perpustakaan yang mana ia adalah satu teknik seseorang penyelidik berusaha mendapat data-data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod²¹ serta melalui hasil karya berkaitan²² yang telah ditulis oleh pengkaji terdahulu.

ii. Metode Penganalisaan Data

Data-data yang terkumpul dianalisa secara teliti. Daripada peringkat ini, penulis akan melihat beberapa perkara yang berhubung antara data dan fakta yang berlaku. Seterusnya, penulis membuat beberapa kesimpulan terhadap data-data tersebut. Dalam usaha ini, penulis menggunakan metode analisis data (*analisis diskriptif kualitatif*) dengan menggunakan tiga metode yang berkaitan iaitu:

²¹ Mohd Shafie Abu Bakar (1987), *Metodologi Penyelidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 41.

²² Mohd Majid Konting (1990), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 43.

a) Metode Induktif

Melalui metode ini, penulis menganalisa segala data melalui pola berfikir untuk mencari kesimpulan daripada perkara-perkara yang bersifat khusus untuk dibuat kesimpulan secara umum. Metode ini digunakan oleh penulis untuk menganalisa data dalam bab 1, 2, dan 3.

b) Metode Deduktif

Melalui metode ini, penulis menganalisa segala data melalui pola berfikir untuk mencari pembuktian daripada perkara-perkara yang bersifat umum untuk dibuat kesimpulan secara khusus. Penulis menggunakan metode ini untuk menganalisa data dalam bab 2, 3, 4, dan 5.

c) Metode Kompratif

Melalui metode ini, penulis membuat penelitian dan perbandingan daripada data-data yang diperolehi dan seterusnya membuat kesimpulan secara menyeluruh. Metode ini digunakan oleh penulis dalam bab 2 dan bab 3.

1.9 Sistematika Penulisan

Untuk melihat keseluruhan kajian penulisan ini, adalah lebih baik kiranya dipaparkan secara ringkas sistem penulisan yang digunakan oleh penulis. Dalam membuat kajian disertasi, penulis telah membahagikan kajian ini kepada lima bab utama. Setiap bab dimulai dengan pengenalan sebagai gambaran awal kepada pokok perbincangan dalam bab tersebut.

Bab pertama merupakan bab pendahuluan. Tujuan bab ini adalah untuk mengemukakan persoalan kajian dan menyediakan pembaca bagi memahami dan menilai bab-bab yang berikutnya. Untuk tujuan berkenaan dalam bab ini, penulis akan menjelaskan tentang latar belakang kajian, pengertian tajuk, persoalan kajian, tujuan kajian, kepentingan kajian, skop kajian, kajian terdahulu, metedologi dan diakhiri dengan sistematika penulisan.

Dalam bab kedua, penulis membahaskan persoalan-persoalan yang berkaitan dengan *Makkī* dan *Madanī*. Ia merangkumi perbahasan tentang pengertian *Makkī* dan *Madanī*, perbezaan pendapat di kalangan para ulama tentang pengertian *Makkī* dan *Madanī* dan kaedah mengenali al-Qur'an *Makkī* dan *Madanī*. Selain itu, ciri-ciri khusus, kepentingan ilmu *Makkī* dan *Madanī* turut dibahaskan.

Bab ketiga pula mengupas tentang ayat-ayat *Makkī* dan hubungan *Tarbiyyah Harakiyyah*. Dalam bab ini, penulis menjelaskan topik-topik utama ayat-ayat *Makkī*. Selain itu, penulis turut membincangkan definisi *Tarbiyyah Harakiyyah*, hubungan ayat-ayat *Makkī*, ciri-ciri, objektif dan *manhaj Tarbiyyah Harakiyyah*.

Bab keempat merupakan bab yang paling penting dalam kajian disertasi ini kerana ia menyempurnakan lagi pembahasan-pembahasan sebelum ini. Dalam bab ini, penulis akan menganalisis data-data yang diperolehi dengan mengemukakan sifat-sifat *Tarbiyyah Harakiyyah* beserta dengan ulasan dan diperkuuhkan oleh ayat-ayat *Makkī*.

Bab kelima merupakan bab penutup kepada penulisan disertasi. Dalam bab ini, penulis telah membuat kesimpulan kepada keseluruhan bab dengan mengemukakan jawapan-jawapan yang menjadi pokok persoalan kajian dan membuat beberapa saranan.